

RENCANA

SUSULAN BELANJAWAN

Dalam Belanjawan dan Bahas Belanjawan 2021, pemerintah menggalak pemupukan sifat inklusif dari segi penggunaan teknologi. Minggu lalu, Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat turut menggalak mereka yang mahir teknologi agar membantu merapatkan jurang kemahiran digital di Singapura. BERITA HARIAN memaparkan usaha siswa Universiti Teknologi Nanyang (NTU) membantu warga emas memahami teknologi di samping menyenaraikan usaha pemerintah bagi mencapai iltizam tersebut.

Perkasa warga emas kuasai IT



KENALI ALAT BIJAK: Cik Febby Lee, siswi NTU dan pengasas bersama kempen '#CanOneLah!', buat penyampaian ringkas tentang telefon bijak kepada warga emas di bawah pusat kegiatan warga emas Pusat Penjagaan Masyarakat Xin Yuan.



BIMBING WARGA EMAS: Siswi NTU Rishikanthan Vijayakumar, 25 tahun, membantu Enik Kassim Jumali, 82 tahun, menggunakan aplikasi WhatsApp dalam bengkel anjuran kempen celik IT '#CanOneLah!' baru-baru ini. Selain menjadi cara berhubung, Enik Kassim menggunakan aplikasi WhatsApp dan WhatsApp Call untuk menunjukkan berita menarik laporan akhbar ini kepada anaknya yang menetap di Malaysia. - Foto-foto #CANONELAH!

USAHA DIGITAL LAIN

Warga emas boleh mendapatkan bantuan menggunakan aplikasi alat bijak seperti WhatsApp Messaging, WhatsApp Call dan SingPass di pelbagai tempat serata negara.

Contohnya:
- Sebarang kelab masyarakat (CC)
- SDO@NLB: Cawangan perputakaan yang mempunyai resur kendalian Penguasa Pembangunan Infokom Media (IMDA) dan agensi lain (baca laporan bawah).

►NURUL AIN RAZALI
nrazali@sph.com.sg

ju, 63 tahun, tidak begitu celik teknologi dulu. Namun, akibat tempoh Pemutus Litar, beliau sangat merindui cucu-cucunya.

"Terkil-kial beliau menggunakan WhatsApp Video Call untuk menghubungi mereka. Beliau hanya memahami cara menggunakannya pada awal Januari tahun lalu.

"Buloh yang menunjukkan kepada saya bahawa cara mengajar warga emas memahami teknologi harus diubah.

"Kita harus beritahu langkah demi langkah. Mereka lebih suka menghafal serta mengikut tahap dan struktur. Namun, mereka kerap terlupa justeru perlu ada sumber rujukan. Oleh sebab itu, kempen kami menghasilkan buku panduan *How Ah?*

"Kami mahu warga emas berdaya ketika menggunakan teknologi. Maka terciptalah kempen ini," ujar Enik Rishikanthan ketika dihubungi baru-baru ini.

Kempen mereka diwujudkan berlandaskan penyelidikan yang dijalankan November tahun lalu ke atas 118 warga emas di Singapura.

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa sukar bagi warga emas buta huruf dan daripada keluarga memer-

lukan memanfaatkan usaha digital sedia ada.

Misalnya mereka tidak memiliki alat bijak, kecekilan asas memahami bahan pembelajaran atau kedua-duanya sekali.

Di samping aspek kewangan, mereka lebih cenderung mengikut arahan langkah demi langkah persis pengalaman yang dilalui Enik Rishikanthan dan ibunya.

Berdasarkan hal tersebut, kumpulan siswa itu memilih kaedah berbantuan alat audio dan visual untuk mengajar warga emas.

"Kami percaya #CanOneLah! mampu menjadi penghubung antara warga emas buta huruf dengan populasi penduduk lain sedang kita bergerak langkah ke arah Negara Bijak."

"Hal ini juga selaras gesaan pemerintah menggalakkan sifat inklusif berkenaan kemahiran digital dalam masyarakat.

"Paling indah buat kami ialah menyaksikan juga sikap warga emas terhadap pembelajaran. Saya sangat mengagumi mereka. Sungguh-

pun berusia, mereka sanggup belajar terutama sekali ilmu teknologi.

"Barangkali dengan wujudnya kempen ini, mereka tidak akan rasa tersisih dalam perjalanan negara ke arah pendigitalan," ujar Cik Grace.

Setakat ini, kempen tersebut dimanfaatkan lebih 80 peserta berusia 60 hingga 85 tahun.

Salah satu peserta ialah Enik Kassim Jumali, 81 tahun. Beliau anggota SAC AWWA Ang Mo Kio yang menghadiri bengkel tiga minggu anjuran kempen itu.

"Walaupun memerlukan masa

membiasakan diri dengan telefon pintar, saya tidak akan putus asa kerana saya mahu membuat panggilan video setiap hari bersama anak perempuan yang tinggal di Johor Bahru," ujarnya.

Akhir kata, kempen itu kini menjalani proses peluasan. Selain penambahan jumlah lokasi kempen, pasukan itu berharap mereka boleh meletakkan lebih banyak topik seperti perlindungan data peribadi.

Maklumat lanjut tentang kempen boleh didapati dengan melayari laman canonelah.com.

Bantuan IT percuma bagi warga emas di pustaka NLB

SELEPAS mengimbas kod QR dan memeriksa suhu badan, pengunjung Perpustakaan Awam Pasir Ris di Pusat Beli-Belah White Sands bersebelahan stesen MRT Pasir Ris pasti terlihat resur istimewa.

Satu atau dua pegawai lazimnya berada di situ, berbekalkan papan penerangan dan risalah. Jangan takut ke Liu mereka menguap andi!

Mereka yang dipanggil Du'a Di (دعاء) itu sebahagian daripada usaha pendigitalan pemerintah

yang disokong agensi seperti Lembaga Perpustakaan Negara (NLB), Divisyen Perkhidmatan Awam (PSD), Penguasa Pembangunan Infokom Media (IMDA) dan Pejabat Digital SG (SDO).

Mereka mahu menjadikan sumber digital dan khidmat awam lebih mudah diakses orang ramai terutama sekali warga emas. Menurut kenyataan IMDA litar ber litar, SDO@NLB pertama disediakan di Perpustakaan Awam Ceylang

East berdekatan stesen MRT Aljunied.

Menurut IMDA, usaha tersebut bermatlamat membantu warga emas mengakses lebih 200 khidmat pemerintah secara dalam talian.

Antara khidmat berkenaan ialah nominasi Tabung Simpanan Pekerja (CPF), pendaftaran Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (Char) dan akaun litar ber litar.

Sewaktu mengunjungi pustaka Pasir Ris baru-baru ini, wartawan

ditegur dan diajak berjual tentang khidmat yang tersedia di resur tersebut.

DA bertugas juga sebagai Melayu meminta wartawan membawa ibu bapa dan datuk nenek ke sana bagi mempelajari cara menggunakan aplikasi bijak secara percuma.

Demi menjadikan peluang pembelajaran lebih menarik, DA tersebut menunjukkan papan permainan persis Monopoly.

Keupayaan menguasai penggunaan sesuatu aplikasi menggantikan 'hartanah' dan 'rumah' Monopoly.

Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat menyeru warga supaya merapatkan jurang kemahiran digital di Singapura.

Maka pelbagai usaha dilakukan pemerintah bagi menyokong iltizam itu misalnya penubuhan SDO pada Jun tahun lalu.

SDO bermatlamat memacu perkembangan arus pendigitalan negara dalam era pascapandemik.

Hingga Disember lalu, SDO sudah mengerjakan 1,000 DA dan menubuhkan 55 hab masyarakat SG Digital di serata negara.

Hasilnya, lebih 50,000 warga emas sudah meraih manfaatnya.

Maklumat lanjut tentang hab masyarakat SG boleh didapati dengan melayari www.sdo.gov.sg.